Dr. Mahathir, isteri rai keluarga bekas-bekas PM

Um- 26/3/2005 : 11

DR. Mahathir Mohamad dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menghadiri jamuan petang bersama keluarga bekas-bekas Perdana Menteri di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. Turut hadir ialah Tun Suhaila Mohd. Noah (kiri) dan Tun Rahah Mohd. Noah (kanan).

PUTRAJAYA 25 Mac — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hari ini meraikan keluarga bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia dalam satu jamuan petang di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini.

Majlis ringkas itu bertujuan memberi peluang kepada keluarga bekas-bekas Perdana Menteri melihat sendiri kemudahan yang ada di yayasan itu dan menerangkan fungsi penubuhannya.

Dr. Mahathir yang juga Presiden Kehormat Yayasan itu dalam temu bual dengan *Utusan Malaysia* pada 15 Februari lalu menjelaskan bahawa yayasan tersebut bukan untuk beliau seorang tetapi didedikasikan kepada teraju kepimpinan Malaysia dan sumbangan mereka terhadap pembangunan negara.

Yayasan itu berfungsi untuk menyelidik, mendokumentasi, menyebar dan memaparkan legasi intelektual bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia daripada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn sehingga Dr. Mahathir sendiri.

Hadir

Antara keluarga terdekat bekas Perdana Menteri yang hadir ialah isteri Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu Tun Rahah Mohd. Noah yang juga ibu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn iaitu Tun Suhaila Mohd. Noah, yang juga ibu Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Turut hadir ialah putera dan puteri Tunku Abdul Rahman iaitu Tengku Ahmad Nerang dan Tunku Khatijah serta cucu almarhum; anak-anak Tun Abdul Razak, antaranya Datuk Ahmad Johari dan Datuk Mohamed Nazir serta anak-anak Dr. Mahathir iaitu Datuk Mokhzani dan Datuk Mukhriz.

Hadir sama ialah Pengarah Eksekutif Yayasan Kepimpinan Perdana, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob serta beberapa ahli Lembaga Yayasan Tun Abdul Razak termasuk Tan Sri GK Rama Iyer, Tan Sri Aishah Ghani dan Tan Sri Micheal Chen.